



KE ARAH PERBANDARAN,  
HIJAU, BERSIH,  
SEJAHTERA

# BULETIN

## Majlis Daerah Tangkak

EDISI 2/2023  
JULAI - DISEMBER

MS>30



### ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

*Menarik di dalam*



07 SESI PENYERAHAN PROJEK  
PEMBANGUNAN  
PENSWASTAAN TERMINAL  
BAS, TEKSI DAN MEDAN  
SELERA BUKIT GAMBIR



09 PEMBUKAAN RASMI AIR  
TERJUN GUNUNG LEDANG



22 SAMBUTAN HARI  
KEBANGSAAN TAHUN 2023



Majlis Daerah Tangkak



@MD Tangkak



mdtgk@johor.gov.my



019-336 1020 (Aduan)

# ISI KANDUNGAN

- 03 PERHIMPUNAN PAGI DIANTARA YDP BERSAMA KAKITANGAN MDT
- 05 MESYUARAT BELANJAWAN TAHUN 2024 MAJLIS DAERAH TANGKAK
- 07 SESI PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN PENSWASTAAN TERMINAL BAS, TEKSI DAN MEDAN SELERA BUKIT GAMBIR
- 09 PEMBUKAAN RASMI AIR TERJUN GUNUNG LEDANG
- 10 MAJLIS JAMUAN TEH BERSAMA RAKYAT (MUAR, SEGAMAT DAN TANGKAK) 2023
- 13 SESI AUDIT PERSIJILAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM
- 15 LAWATAN KE PASAR AWAM SALAK, SEPANG
- 16 PROGRAM PEMBANGUNAN MOTIVASI PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANGKAK
- 18 PROGRAM PENANAMAN 181,000 POKOK SELURUH NEGERI JOHOR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR 2023 PERINGKAT DAERAH TANGKAK
- 20 SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1445H/2023M PERINGKAT DAERAH TANGKAK
- 21 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2023
- 23 MAJESTIC JOHOR FESTIVAL
- 24-25 AMAZING TANGKAK
- 27 ANUGERAH TANDAS BMW
- 30 ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2023
- 33 BOALING BERPASUKAN PIALA TIMBALAN MENTERI KPKT



## NO. SAMBUNGAN TELEFON MDT

NO. TEL : 06-978 1261 / 2226 / 1336 / 1360

JABATAN KEWANGAN 501

JABATAN KEJURUTERAAN 503

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN 110

JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN 301

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA 201

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP 251

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT 107

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) 112

NO. TEL : 06-978 8112

JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM

NO. TEL : 06-978 8116

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

UNIT UNDANG-UNDANG

UNIT AUDIT DALAM

NO. TEL : 06-978 7662

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

## SIDANG REDAKSI BULETIN MDT

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN  
MOHAMED@ISMAIL

Setiausaha Majlis Daerah Tangkak

PENAUNG

YM UNGKU MOHD ZAFRIN BIN  
UNGKU MOHD ZAMAN

Yang Dipertua, Majlis Daerah Tangkak

PENASIHAT

KETUA EDITOR

CIK SITI HAWA BINTI MD  
ZIN

SIDANG  
PENGARANG

PUAN NORFARAHANA BINTI ABD HAMID  
PUAN SITI NAZIRAH BINTI KAMARULZAMAN

REKAAN GRAFIK

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT

FOTOGRAFI

PUAN MUHAINI BINTI MUHAMMAD MURIT  
ENCIK ASSRUL BIN ZANURY

KORESPONDAN

JABATAN KEWANGAN  
JABATAN KEJURUTERAAN  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA  
JABATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN AWAM  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN LANDSKAP  
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)  
UNIT UNDANG-UNDANG  
UNIT AUDIT DALAM

Pihak kami mengalu-alukan sebarang pandangan atau maklumbalas terhadap perkhidmatan yang disediakan Majlis Daerah Tangkak. Hubungi kami di talian 06-9781261 atau hantar e-mel ke [mdtgk@johor.gov.my](mailto:mdtgk@johor.gov.my)

Diterbitkan oleh

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT

# PERHIMPUNAN PAGI DIANTARA YDP BERSAMA KAKITANGAN MDT



03 Julai 2023

Program perhimpunan pagi diantara Yang Mulia Yang Dipertua bersama kakitangan Majlis Daerah Tangkak telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Tangkak. Pertemuan ini adalah bagi tujuan menyampaikan beberapa amanat

yang perlu diambil perhatian dan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas harian. Selain itu, dengan sedikit penerangan berkaitan fungsi setiap jabatan/unit dapat membantu kakitangan memahami fungsi keseluruhan Majlis Daerah Tangkak. Dengan perjumpaan dan perhimpunan bulanan ini juga sedikit sebanyak memberi semangat dan mewujudkan kerjasama antara semua.



# MAJLIS PERASMIAN LARANGAN & PENGUATKUASAAN BAGI PEMBUANGAN SAMPAH KECIL DI TEMPAT AWAM DI DALAM KAWASAN PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT) NEGERI JOHOR



31 Julai 2023

Pada 22 Oktober lepas juga telah diadakan Majlis Perasmian Larangan Dan Penguatuasa Bagi Pembuangan Sampah Kecil Di Tempat Awam Di Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor bertempat di Hutan Bandar MBIP, Mutiara Rini, Johor.

Objektif program adalah untuk mewar-warkan kepada rakyat berkaitan penyelarasan oleh PBT Negeri Johor melalui tindakan penguatuasaan pembuangan sampah di kawasan PBT Negeri Johor amnya. Sehubungan itu, saya mohon Ahli Mesyuarat ambil maklum perkara ini dan membantu memwar-warkan.

# MESYUARAT BELANJAWAN TAHUN 2024 MAJLIS DAERAH TANGKAK



**31 Julai 2023**

Mesyuarat Belanjawan Tahun 2024 telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Pekaka Emas dan dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor yang mana tahun 2024 adalah fokus kepada belanjawan surplus iaitu hasil perlu melebihi daripada perbelanjaan.

Perbincangan bersama Ketua-Ketua Jabatan telah dilaksanakan bagi memperhalusi dasar-dasar baru yang sesuai dilaksanakan pada tahun hadapan dan pelaksanaan one off mengambil kira baki kewangan tahun 2023 dan hasil 2024.

Antara perkara yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Johor adalah :

- 1 Meneruskan Program Johor Bersih**
- 2 Pengawasan dan perhatian terhadap kawasan terjejas banjir (mengutamakan projek berkaitan banjir seperti naiktarat longkang/parit/pembentung)**
- 3 Pada tahun 2024, kita dikehendaki meningkatkan pelaksanaan program-program Smart City**
- 4 RM100,000 daripada hasil sediada diperuntukkan untuk projek-projek kecil khususnya untuk membantu rakyat**



**24 Julai 2023**

Satu Sesi Penyerahan Dokumen Dan Transfer Knowledge Bagi Pemasangan Solar Panel Melalui Program Supply Agreement for Renewable Energy (SARE) di bangunan milik Majlis Daerah Tangkak iaitu Dewan Muafakat dengan saiz sistem solar 15.58 kilowattpack telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Muafakat Bukit Gambir, Tangkak.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Permodalan Darul Ta'zim dan USEM kerana menjalin kerjasama strategik dengan Majlis Daerah Tangkak untuk merealisasikan matlamat MDT ke arah Bandar Rendah Karbon. Untuk makluman, MDT adalah PBT pertama yang menerima serahan solar ini dalam Negeri Johor. Tahniah kepada MDT dan urusetia program solar ini iaitu Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap MDT.

Dengan adanya sistem solar, iaanya membolehkan MDT menikmati kadar elektrik lebih rendah berbanding tarif yang diwartakan. Pemeteraian perjanjian ini menandakan satu pencapaian penting bagi MDT yang mempraktikkan amalan hijau menerusi SARE dan membawa MDT melangkah setapak lagi ke arah merealisasikan agenda masyarakat karbon rendah. Pemasangan 38 solar panel ini secara tidak langsung dapat menjimatkan kos pembiayaan elektrik bangunan ini bagi tempoh selama 20 tahun.



A A A A A  
A A A A A A A A A A



Bertempat di Bilik Mesyuarat Berlian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, Iskandar Puteri telah diadakan Sesi Penyerahan Projek Pembangunan Penswastaan Terminal Bas Dan Teksi, Medan Selera Bukit Gambir (Gambir Square) di atas PTD 128811, Bandar Baru Bukit Gambir, Mukim Grisek, Tangak.

Penyerahan telah dilaksanakan oleh Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor. Untuk makluman, dijangka terminal bas dan teksi serta medan selera ini akan dibuka kepada umum pada awal tahun 2024.





# SERAHAN MY KIOSK



# PEMBUKAAN RASMI AIR TERJUN GUNUNG LEDANG



08 Julai 2023

Air Terjun Gunung Ledang telah dibuka secara rasmi kepada orang awam. Dengan pembukaan ini, dijangka jumlah pelancong akan bertambah dari semasa ke semasa. Pelbagai perubahan telah dibuat bagi menarik pelancong datang. Turut diadakan Festival Gunung Ledang pada 8-10 Julai dengan pelbagai aktiviti menarik dan pentadbiran ini turut mengambil bahagian dengan membuka booth Pelancongan bagi mewar-warkan produk pelancongan Daerah Tangkak.





# Majlis Jamuan Teh

BERSAMA RAKYAT  
(DAERAH MUAR, SEGAMAT DAN TANGKAK)  
TAHUN 2023



04 Disember 2023

Majlis Jamuan Teh Bersama Rakyat Daerah Muar, Segamat dan Tangkak bersempena Sambutan Ulangtahun Keputeraan DYMM Sultan Johor telahpun berlangsung di Muar yang mana MDT telahpun menghantar seramai 28 orang kakitangan bagi memeriahkan majlis dan jemputan turut dipanjangkan kepada semua Ahli Majlis.

Terima kasih diucapkan kepada team persiapan dari Jabatan Perbandaran Dan Kesihatan Awam serta Jabatan Perancangan Bandar Dan Landskap yang turut sama membantu bagi kelancaran majlis.



# **PENGANJURAN HARI PKPJ BERSAMA PENDUDUK RUMAH PANGSA TANGKAK**

**15 Disember 2023**

Telah berlangsungnya Hari Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor Bersama Penduduk Rumah Pangsa Tangkak dengan penglibatan pelbagai pihak. Program tersebut telah diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Hajah Suhailizan binti Suliman, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor bersama Yang Berbahagia Tuan Mohd Farid bin Kassim, Pegawai Daerah Tangkak.

Untuk makluman, program ini mensasarkan usaha dalam menyantuni para penduduk sebagai titik permulaan ke arah langkah penyelesaian hak milik penduduk yang mana isu pembangunan rumah pangsa Jalan Ong Siong ini telah sekian lama wujud dan turut memberi kesan kepada pentadbiran Majlis Daerah Tangkak dalam pengurusan bandar seperti pembuangan sampah, penyelenggaraan bangunan dan sedikit sebanyak memberi imej yang kurang baik dalam kawasan rumah pangsa ini memandangkan lokasinya yang terletak di Bandar Tangkak. Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak menyambut baik usaha PKPJ dalam melaksanakan proses pengeluaran Hak Milik Strata bagi pembangunan Rumah Pangsa Jalan Ong Siong yang telah sekian lama berlanjutan tanpa penyelesaian yang dapat memberi manfaat kepada pemilik rumah yang menduduki tanpa mempunyai hak milik yang sah. Pengeluaran hak milik strata ini juga adalah penting selaras dengan Akta Hakmilik Strata, 1985 (Akta 318)

Hadir sama dalam program ini, Pentadbir Tanah Daerah Tangkak, Setiausaha Majlis Daerah Tangkak, Ketua Operasi dan para pegawai kanan PKPJ. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Pejabat Daerah Tangkak, Pejabat Tanah Daerah Tangkak, pihak Southern Volunteers Tangkak dan para penduduk Rumah Pangsa Tangkak serta semua pihak yang telah sama-sama menjayakan program ini.



# SESI AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGERI JOHOR



21 Ogos 2023

MDT telah menerima kehadiran pasukan Audit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Johor. Seramai 3 orang juruaudit daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Johor telah hadir ke MDT dan menjalankan audit bermula dari jam 10.00 pagi dan tamat pada jam 4.00 petang.

• Audit melibatkan semakan dokumentasi dan fizikal persekitaran tempat kerja bertujuan memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat. Antara teguran yang diterima ialah :


- Perlu dilaksanakan hebahan maklumat dasar keselamatan secara menyeluruh kepada pekerja
- Perlu dijalankan audit secara berkala 3 bulan sekali
- Perlantikan Jawatankuasa Keselamatan perlu ada justifikasi tugas





## SESI AUDIT PERSIJILAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM 1





Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari cara Majlis Daerah Selama menjana ekonomi melalui pakej eko-pelancongan. Terdapat pelbagai tempat menarik terdapat di sana, jika di Tangkak, kita terkenal dengan Gunung Ledang, di Selama, mereka terkenal dengan 7 lata air terjun yang cukup indah dan memukau iaitu:

- (1) Lata Buluh, Kampung Sungai Simpul
- (2) Lata Damak, Sungai Bayor
- (3) Lata Rambong, Telok Mas
- (4) Lata Tebing Tinggi, Rantau Panjang
- (5) Lata Titi Dua, Jalan Sumpitan, Ijok
- (6) Lata Puteh, Ijok
- (7) Lata Panggung, Ijok



# LAWATAN KE PASAR AWAM SALAK, SEPANG



03 Disember 2023

Dalam memastikan masyarakat Daerah Tangkak mendapat manfaat daripada penyediaan fasiliti awam, satu lawatan ke Pasar Awam Sepang yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Sepang telah diadakan. Objektif utama lawatan adalah untuk membaikpulih/menaiktaraf bangunan pasar sediada dengan persekitaran aktiviti perniagaan dan kemudahan yang lebih selesa kepada peniaga dan pengunjung.

Antara idea yang diperolehi daripada lawatan tersebut antaranya :

1. Pengurangan bangku bagi membolehkan laluan lebih luas
2. Bancian dibuat oleh jabatan bagi peniaga yang menyewa lebih daripada satu bangku
3. Meletakkan Pejabat Penguatkuasa di dalam persekitaran pasar awam (aras 1) bertujuan pemantauan berterusan
4. Gotong-royong/spring cleaning dibuat sebulan sekali oleh peniaga
5. Lantai laluan pembeli lebih tinggi daripada lantai peniaga (bagi keselesaan-lantai kering).
6. Pengasingan bahagian bagi jualan basah dan kering
7. Proses ayam di blok berlainan
8. Penyediaan tong composting 3R




# **PROGRAM PEMBANGUNAN MOTIVASI PERINGKAT MAJLIS DAERAH TANGKAK**

**24 Julai 2023**

Di sini suka saya kongsikan aktiviti-aktiviti sepanjang Program Pembangunan Motivasi Peringkat Majlis Daerah Tangkak pada 24 Julai bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim,Tangkak

•Program yang diadakan selama sehari ini bertujuan untuk mewujudkan semangat kerja berpasukan, membina keyakinan diri serta sentiasa berfikiran positif dan mengeratkan silaturahimantara rakan sekerja.

•Selain itu, program ini dilihat dapat mengurangkan tekanan kerja dan saya berharap kursus sebegini akan diadakan lagi pada masa akan datang. Terima kasih kepada Team Kaunseling SUK yang hadir



# PROGRAM IBADAT KORBAN

02 Julai 2023

Program Ibadat Korban Peringkat Majlis Daerah Tangkak telah selamat diadakan di perkarangan letak kenderaan Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak. Majlis Daerah Tangkak yang mengelolakan program ini dari awal dan sehingga selesai. Terima kasih juga kepada warga kerja Majlis Daerah Tangkak yang bergotong-royong melapah daging untuk diagihkan kepada semua kakitangan beragama Islam dan asnaf.






# PROGRAM PENANAMAN 181,000 POKOK SELURUH NEGERI JOHOR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR 2023 PERINGKAT DAERAH TANGKAK

21 Oktober 2023

Bertempat di Dataran Serom 3, program berlangsung dengan kerjasama antara Majlis Daerah Tangkak, Pejabat Daerah Tangkak dan Pejabat Perhutanan Daerah Tangkak yang mana melibatkan penanaman sebanyak 7,000 ribu pokok bagi Daerah Tangkak. Antara spesis pokok yang ditanam ialah pokok Bunga Raya dan juga spesis pokok hutan serta pokok nadir. Pokok yang ditanam oleh Majlis Daerah Tangkak berjumlah 200 batang dan ditanam di kawasan mengikut Zon Ahli Majlis dengan pecahan 50 pokok setiap zon iaitu di zon :

- (1) Zon 12 (Kesang) - Encik Zainal Bin Kahar
- (2) Zon 13 (Tanjung Agas Utara) - YBhg. Datuk Abdull Rahim bin Talib (Ketua WHIP)
- (3) Zon 14 (Tanjung Agas Selatan) – Tuan Haji Mohd Taha bin Hashim
- (4) Zon 19 (Pekan Bukit Gambir Utara) - Puan Hajah Zaiton binti Kairan@Kasran





# PROGRAM "JOM MAKAN DURIAN - BERSAMA MERASA"

# Festival DURIAN



30 Mei 2023

Majlis Pelancaran Pakej Durian Tourism 2023 telah diadakan di Happy Fruits, Tangkak. Daerah Tangkak telah terpilih untuk dijadikan sebagai salah satu Produk Durian di Malaysia dan satu-satunya di Negeri Johor. Dengan kepelbagaiannya jenis durian yang ada, ia akan menarik pelancong domestik dan antarabangsa untuk datang ke Daerah Tangkak.

Pada 27 Mei 2023, telah diadakan Program "Jom Makan Durian - Bersama Merasa" bertempat di Happy Fruits, Tangkak. Semoga dengan program-program yang berterusan seperti ini akan memberikan perkembangan yang positif kepada industri Agrotourism Tangkak khasnya dan kepada industri pelancongan lain yang berada di Daerah Tangkak secara amnya. Terima kasih kepada Tourism Malaysia Tourism Malaysia Corporate kerana memilih Daerah Tangkak sebagai destinasi Majlis Pelancaran Pakej Durian.





# **SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1445H/2023M PERINGKAT DAERAH TANGKAK**



28 September 2023

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1445H/2023M Peringkat Daerah Tangkak telah diadakan di Masjid Jamek Bandar Tangkak dengan bertemakan “Perpaduan Teras Malaysia Madani”.

Yang Amat Mulia Tunku Abu Bakar Al Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Putera Johor mencemar duli bersama menyertai perarakan Maulidur Rasul. Pihak MDT telah menghantar seramai 50 orang kakitangan lelaki untuk sama-sama berarak.





31 Ogos 2023

Sempena Hari Kebangsaan Yang Ke-66, pastinya rakyat Malaysia di setiap Daerah mahupon Negeri secara lazimnya akan menyertai acara perbarian dan perarakkan. Begitu juga pihak Majlis Daerah Tangkak, dimana seramai 33 kakitangan wanita telah menyertai perbarisan di peringkat Daerah manakala seramai 34 ahli kontingen telah dihantar ke peringkat Negeri yang bertempat di Simpang Renggam, Johor.

Tahniah kepada kontinjen Daerah kerana telah berjaya mendapat Naib Johan bagi Kategori Pakaian Tercantik dan Johan bagi Kategori Sepanduk Terbaik.





Setelah Negara bersih daripada Covid19, program yang diilhamkan tahun 2001 oleh DYMM Sultan Johor semasa menjadi DYAM TMJ iaitu Program Kembara Mahkota Johor kini kembali diadakan. Alhamdulillah, program bermatlamat mendekatkan institusi istana dengan rakyat jelata ini berjalan lancar di kedua-dua tempat iaitu di Sagil dan di Sawah Ring.

Untuk makluman, persiapan untuk melaksanakan program telah bermula 2 bulan awal yang mana team persiapan dan teknikal sentiasa memastikan kebersihan di sepanjang laluan KMJ dan harta awam milik MDT berfungsi dan diselenggara dengan baik. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini.






# MAJESTIC JOHOR Festival

26 Ogos 2023

Telah berlangsungnya Majestic Johor Festival di Puteri Harbour, Iskandar Puteri. Pelbagai aktiviti dan program menarik diadakan bagi menarik pengunjung antaranya pameran dari daerah-daerah di Johor dan agensi-agensi kerajaan serta swasta. Majlis Daerah Tangkak tidak terkecuali dan membuka booth pelancongan dengan diurus oleh Jawatankuasa Pelancongan Majlis Daerah Tangkak. Dan untuk makluman semua, Majlis Daerah Tangkak juga telah tercalon dalam Anugerah Pelancongan Johor 2023 di bawah kategori Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Mesra Pelancongan Johor.



09 ANUGERAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN MESRA PELANCONGAN JOHOR  
1. MAJLIS DAERAH TANGKAK  
2. MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG  
3. MAJLIS DAERAH LABIS

10 ANUGERAH ORGANISASI PELANCONGAN TERBAIK JOHOR (AGENSI KERAJAAN)  
1. MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG  
2. MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI  
3. MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG

**PERTANDINGAN CATUR**

**SAYEMBARA DEKLAMASI SAJAK**

**FLASH MOB ZAPIN**

**ART FESTIVAL**

**ANUGERAH BOUGAINVILLA**

**PERTANDINGAN KEINDAHAN & KECERIAAN BULAN KEMERDEKAAN**

**FESTIVAL DURIAN**

**AUTOSHOW GATHERING**



**PAMERAN 'SEED OF HOPE'**



**PERTANDINGAN MEWARNA CANTING BATIK**



**20**



**PERTANDINGAN KEINDAHAN & KECERIAAN BULAN KEMERDEKAAN**





**TANGKAK IDOL**

**KEJOHANAN BADMINTON**

**PERTANDINGAN PAKAIAN TRADISIONAL KANAK-KANAK**

**SUKAN RAKYAT**

**HIJRAH GLOW RUN**

**CERAMAH PERDANA**

**FUNRIDE@TANGKAK**

**SENAM SENI**

**SKATEBOARDING DAY**


**PERTANDINGAN SEPAK TAKRAW**

# MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESIHATAN PERSEKITARAN TANDAS BMW MEDAN SELERA TEPIAN SUNGAI GERSIK, TANGKAK



2023

Bertempat di Tandas Awam Medan Selera Tepian Sungai Gersik telah diadakan Majlis Pelancaran Kempen Kesihatan Persekitaran BMW yang dirasmikan oleh Perunding Kesihatan Persekitaran KPKT. Untuk makluman, tandas ini telah mula dibuka kepada orang awam pada 10 Ogos dan dikelolakan oleh kakitangan MDT, bermula dari jam 8.00 pagi sehingga jam 10.00 malam. Ianya bertujuan untuk meningkatkan tahap pembersihan tandas milik MDT. Pihak MDT berharap orang awam dapat menggunakan dan menjaga tandas ini sebaiknya sebagai menghargai usaha murni MDT menyediakan tandas yang lengkap dengan fasiliti/kemudahan.



# **ANUGERAH TANDAS BMW (BERSIH, MENAWAN, WANGI)**

**SEDUNIA KPKT TAHUN 2023**

**PERSEKITARAN LESTARI NEGARA MADANI**

**17 OKTOBER 2023 (SELASA)  
3.00 PETANG  
PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (PICC)**

**MALAYSIA MADANI**



**17 Oktober 2023**

Bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya, bersempena Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekutuan Sedunia KPKT 2023, MDT telah berjaya mendapat tempat pertama dan dinobatkan cemerlang dengan mendapat 5 bintang dalam Kempen Kesihatan Persekutuan 2023 di bawah kategori tandas BMW bagi tandas yang dipertandingkan iaitu Tandas Awam Tepian Sungai Gersik.

Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perbandaran Dan Kesihatan Awam.





# ANUGERAH PERTANDINGAN MEDAN SELERA BERSIH PBT



17 Oktober 2023

Bersempena majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekutaran Sedunia KPKT 2023, MDT juga telah diumumkan sebagai pemenang tempat kedua dalam Pertandingan Medan Selera Bersih PBT anjuran KPKT bagi Medan Selera Bumiputera KM1, Tanjung Agas.



Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menggondol anugerah ini terutama kepada Jabatan Perbandaran Dan Kesihatan Awam yang menjadi urusetia dalam penyertaan pertandingan.



# ANUGERAHKAN BILIK PENYUSUAN TERBAIK NEGERI JOHOR 2023

21 September 2023

Tahniah Majlis Daerah Tangkak kerana dianugerahkan Bilik Penyusuan Terbaik Negeri Johor 2023 sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Peringkat Negeri Johor 2023 Bersempena Program Segamat Sihat 2.0 yang bertempat di Segamat Central Shopping Mall. Semoga dengan kemudahan yang disediakan ini dapat digunakan sebaiknya oleh wargakerja MDT.





09 November 2023

MDT sekali lagi melakar sejarah setelah mendapat pengiktirafan antara 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia bagi tahun 2023 bagi Bandar Paling Mampan Peringkat Kebangsaan. Pengiktirafan ini telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mewakili YBM KP KT sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah diadakan di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya.



## ANUGERAH KHAS BANDAR MAMPAN PERINGKAT NEGERI JOHOR 2023

19 November 2023

MDT telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Bandar Mampan sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2023 Peringkat Negeri Johor. Pengiktirafan ini susulan pencapaian cemerlang MDT mengekalkan Anugerah Bandar Paling Mampan Peringkat Kebangsaan untuk dua tahun berturut-turut. Majlis penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Dato' Mohd Jafni bin Md Shukor bertempat di Sunway Big Box, Iskandar Puteri.



# ANUGERAH SPECIAL MENTION WINNER (BACK LANE AND SIDE LANE)



01 Disember 2023


Majlis Daerah Tangkak telah menerima pengiktirafan dalam anugerah Special Mention Winner menerusi MIP Place Awards 2023 melalui projek Transformasi Fungsi Lorong Belakang dan Lorong Tepi Konvensional (Projek textiles Walk Bandar Tangkak). Tahniah diucapkan kepada MDT terutama sekali kepada Jabatan Perancangan Bandar Dan Lanskap.



**GOTONG ROYONG  
GRISEK**

**GOTONG ROYONG  
GERAI KM1**

# **PROGRAM GOTONG ROYONG MAJLIS DAERAH TANGKAK**



**GOTONG ROYONG  
MENGECHAT ROAD CERB**



**GOTONG ROYONG  
PITSTOP TANGKAK**



**GOTONG-ROYONG PENANAMAN POKOK BUNGA  
DAN KEINDAHAN DATARAN KELUARGA SEROM 3**

# Kejohanan BOLING BERPASUKAN

PERSATUAN PBT MALAYSIA (MALA)

merebut  
PIALA TIMBALAN MENTERI KPKT

2023

21-23



21-23 September 2023

Telah berlangsung Kejohanan Boling Berpasukan Persatuan PBT Malaysia (MALA) bagi merebut Piala Timbalan Menteri KP KT 2023 bertempat di Aman Bowling@Aman Central, Alor Setar, Kedah.

Majlis Daerah Tangkak tidak ketinggalan menghantar 2 pasukan (kategori lelaki) untuk menyertai kejohanan tersebut untuk berentap bersama 80 pasukan wakil-wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia walaupun telah diakui peluang untuk menang adalah tipis berikutan tiada tapisan penyertaan, namun semangat kesukaran adalah aspek terpenting dalam penyertaan.





Majlis Daerah Tangkak

# Selamat Tahun Baru 2024

- Pembayar Cukai perlu *whatsapp* ke 011-59075920 dan berikan No. Akaun Cukai tahun 2022 untuk semakan jumlah pembayaran terkini.
- Urusetia akan memaklumkan melalui *whatsapp* amaun yang perlu dibayar
- Pembayar Cukai boleh membuat pembayaran melalui JomPAY MD TANGKAK



BILLER CODE : 3004  
REF 1 : No. Akaun Cukai  
REF 2 : No. Bil

BILLER CODE MDT : 3004  
Ref 1 : No. Akaun Cukai  
Ref 2 : No. Bil

eKHIDMAT  
johor.ekhidmat.my

**SILA BAYAR CUKAI TAKSIRAN ANDA  
BAKI MENGELOAKKAN DARIPADA DIDENDA**  
KAEDAH BAYARAN DAN KETERANGAN LANJUT BOLEH HUBUNGI :

011 - 59075920  
06 - 978 1261 / 06 - 978 2226  
[www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my)

- Bukti pembayaran perlu dihantar melalui *whatsapp* dan MDT akan membuat semakan pembayaran
- Selepas semakan bayaran telah disahkan, pihak MDT akan mencetak Bil. Cukai Taksiran
- Pembayar Cukai akan dihubungi untuk dimaklumkan mengenai status pembayaran cukai.
- Pembayar Cukai boleh mengambil bil yang telah siap di Pejabat Majlis Daerah Tangkak, Cawangan Kesang dan Bukit Gambir dengan hanya menandatangani buku daftar yang disediakan
- Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta di talian 06-9781261 Ext 202 atau 011-59075920.



PEJABAT BESAR MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900 TANGKAK,  
JOHOR DARUL TA'ZIM  
Tel : +606 9781 261 / Faks : +606 9782 670  
Email : [mdtgk@johor.gov.my](mailto:mdtgk@johor.gov.my) / Portal rasmi : [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my)